



ANDA BERADA DI SINI : *BERNAMA > BERITA*

26 Jun, 2012 15:00 PM

Ekonomi Negara Dijangka Kekal Cergas Pada Separuh Kedua Tahun Ini, Kata Ketua Perangkawan

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Ekonomi Malaysia dijangka kekal cergas pada separuh kedua tahun ini, didorong oleh permintaan domestik yang kukuh, kata Ketua Perangkawan Jabatan Perangkaan Malaysia Dr Abdul Rahman Hasan.

Beliau berkata projek-projek Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dijangka terus manjadi pemacu utama yang menggerakkan ekonomi domestik seperti yang dicapai pada suku pertama tahun ini.

"Pada suku pertama, keluaran dalam negara kasar (KDNK) berkembang pada kadar 4.7 peratus kepada RM245 bilion berbanding suku yang sama tahun lepas," katanya kepada pemberita selepas melancarkan seminar Kepentingan Pertubuhan Perniagaan Memberi Respon Kepada Penyiasatan Ekonomi di sini hari ini.

Katanya sektor perkhidmatan dijangka kekal sebagai penyumbang terbesar kepada KDNK negara diikuti oleh sektor pembuatan.

Pada suku pertama tahun ini, sektor perkhidmatan menyumbang 54.2 peratus kepada KDNK manakala sektor perkhidmatan menyumbang kira-kira dua puluh peratus, katanya.